

## *Deal of the Century: Analisis Impaknya terhadap Proses Damai Israel-Palestin dan Kestabilan Timur Tengah*

The Deal of the Century: An Analysis on Its Impacts on Israel-Palestine Peace Process and Middle East Stability

MOHD ROSLAN MOHD NOR<sup>1,\*</sup> & MUHAMMAD KHALIS IBRAHIM<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup>Centre for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Kuantan, Pahang, Malaysia

\*Corresponding Author ; email: [m\\_roslan@um.edu.my](mailto:m_roslan@um.edu.my)

Received: 22 March 2022 /Accepted: 7 October 2022

### ABSTRAK

*Semasa pentadbiran Trump, Amerika Syarikat telah mengemukakan satu pelan damai di Timur Tengah yang dikenali sebagai "Deal of the Century" (DOTC). DOTC merupakan pelan untuk mengemukakan "solusi" kepada konflik hubungan Israel-Palestin. Pelan tersebut telah mengundang pelbagai kritikan berikutan pentadbiran Trump yang mengiktiraf Jerusalem sebagai ibu negara Israel dan memindahkan kedutaan AS di Israel dari Tel Aviv ke Jerusalem. Apakah isi pelan damai tersebut dan bagaimanakah ia akan dilaksanakan? Mengapakah keputusan sedemikian telah diambil oleh Trump? Adakah Joe Biden yang kini menggantikan Trump sebagai Presiden AS akan meneruskan pelan DOTC tersebut? Bagi merungkai persoalan-persoalan ini, makalah ini bertujuan untuk mengkaji isi perjanjian tersebut dan menganalisis impaknya terhadap proses damai Israel-Palestin serta kestabilan di rantau Timur Tengah. Untuk mencapai objektif ini, analisis kandungan secara kritikal telah dibuat terhadap isi perjanjian DOTC serta laporan dan kajian sedia ada yang berkait dengan DOTC. Secara asasnya, isi perjanjian DOTC lebih memberi kelebihan kepada Israel, sekaligus menyerlahkan sikap AS yang pro-Israel. Ia akan menyukarkan lagi proses damai antara Israel dan Palestin kerana hanya menguntungkan satu pihak sahaja. Selain itu, DOTC turut berpotensi menyebabkan berlakunya proses pemetaan semula Timur Tengah dan mengundang penglibatan kuasa-kuasa di rantau tersebut. Makalah ini menghujahkan DOTC sebagai satu projek yang gagal kerana tidak mampu menarik pihak-pihak yang terlibat untuk ke meja rundingan. Perjanjian ini dijangka tidak akan diteruskan oleh Biden yang berkemungkinan akan mengemukakan pelan damai yang tersendiri.*

*Kata kunci: Jerusalem; Trump; Deal of the Century (DOTC); Israel; Palestin; Timur Tengah*

### ABSTRACT

*During Trump's administration, the United States has introduced a peace plan in the Middle East known as the "Deal of the Century" (DOTC). The DOTC was a plan to propose a "solution" for the Israeli-Palestinian conflict. The plan has invited criticisms following Trump's administration which recognized Jerusalem as the capital of Israel and moved the US embassy in Israel from Tel Aviv to Jerusalem. What was the content of the peace plan and how will it be implemented? Why such a decision has been taken by Trump? Will Joe Biden, who is now replacing Trump as the US President, continue with the DOTC plan? To answer these questions, this paper aims to examine the content of the deal and analyze its impacts on the Israeli-Palestinian peace process and stability in the Middle East region. To achieve this objective, critical content analysis has been made on the DOTC peace plan as well as existing reports and studies related to DOTC. Basically, the content of the DOTC peace plan gave more advantage to Israel, which indicates the US' pro-Israel attitude. The deal will further complicate the peace process between Israel and Palestine because it only*

*benefits one side. In addition, the DOTC also has the potential to cause a remapping process of the Middle East and invite the involvement of regional powers. This paper argues DOTC as a failed project because it was unable to attract the stakeholders to the negotiation. The deal is expected not to be continued by Biden who is likely to come up with his own peace plan.*

*Keywords: Jerusalem; Trump; the Deal of the Century (DOTC); Israel; Palestine; Middle East*

## PENGENALAN

Timur Tengah atau Asia Barat merupakan rantau yang sentiasa menarik minat pengkaji dan pengamat politik antarabangsa. Kedudukannya yang strategik, mempunyai latar belakang sejarah yang panjang dan dilatari oleh dinamika politik yang berwarna-warni menjadi faktor rantau tersebut sentiasa menerima tumpuan pelbagai pihak. Dari perspektif agama, Timur Tengah merupakan tempat yang pernah didiami oleh para nabi, sekaligus menjadi kawasan kelahiran agama-agama langit iaitu Islam, Kristian dan Yahudi. Disebabkan itulah, sejarah telah menyaksikan rantau yang signifikan ini sering mengalami pergolakan antara agama kerana setiap agama mempunyai tafsirannya yang tersendiri mengenai kepentingan terhadap Timur Tengah.

Dalam konteks rantau Timur Tengah, Jerusalem dan Palestin secara keseluruhan merupakan wilayah yang paling mendapat perhatian. Sepanjang lipatan sejarahnya, Jerusalem dan Palestin merupakan kawasan yang sentiasa bergolak, lebih-lebih lagi pada era moden yang ditandai sebagai era negara bangsa (*nation state*). Keadaan kian meruncing khususnya sejak negara Israel diisytiharkan secara rasmi pada tahun 1948, yang meletakkan asas justifikasi kepada kepemilikan Zionis Yahudi ke atas sebahagian tanah Palestin. Malah, Israel turut diiktiraf bagi menganggotai PBB setahun selepas itu, sekaligus mengisyaratkan sokongan kuat penubuhan negara Israel di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu (PBB) (Mohd Roslan & Siti Zaleha 2015). Ia mendorong Israel untuk menuntut hak ke atas Jerusalem, sekaligus mencetuskan konflik dengan Palestin yang turut mendakwa Jerusalem sebagai kawasan milik mereka.

Dalam menangani pergolakan yang melanda, Amerika Syarikat (AS) telah cuba memainkan peranannya sebagai pihak tengah bagi menyelesaikan konflik antara Israel dan Palestin. Dalam hal ini, Perjanjian Oslo yang diadakan pada 13 September 1993 merupakan satu usaha AS yang dilihat penting kerana berjaya menemukan kedua-dua pemimpin

utama dari Israel dan Palestin (yang ketika itu diwakili oleh Pertubuhan pembebasan Palestin atau *Palestine Liberation Organization*, PLO) di atas satu platform. Namun, sehingga kini, keberkesanan penglibatan aktif AS dalam proses perdamaian antara Israel dan Palestin masih dipertikaikan. Dengan kepimpinan utamanya yang silih berganti, AS, dan turut disertai pemimpin dari negara-negara serantau, dilihat cuba untuk terus menjadi watak penting dalam proses perdamaian antara kedua-dua negara tersebut (Kriesberg 2001; Tschirgi 2019). Pasca tragedi 11/9 menyaksikan AS kian memainkan peranannya secara aktif di Timur Tengah bagi mengeksport kempen “memerangi keganasan.” Menerusi kempenya itu, AS di bawah George W. Bush (2001-2009) telah meyakinkan masyarakat Palestin supaya menyokong pemimpin yang “demokratik” dan boleh hidup “secara harmoni” dengan Israel secara aman. Namun, tiada sebarang perubahan drastik yang dilakukan semasa era Bush kerana tumpuan AS ketika itu adalah pada Afghanistan dan Iraq. Barrack Obama yang menggantikan Bush (2009-2017) juga hanya meneruskan dasar sebelumnya dalam isu Israel-Palestin, ditambah dengan pertembungan sikap dalam beberapa isu antara Obama dan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu (2009-kini) (Tschirgi 2019).

Pelantikan Donald J. Trump sebagai Presiden AS pada tahun 2017 telah menarik perhatian ramai, khususnya dalam melihat perkembangan dasar luar AS terhadap Timur Tengah. Dalam keadaan Trump yang menerima sokongan kelompok evangelis serta pelobi Yahudi di AS, sikap Trump, khususnya dalam isu konflik Israel-Palestin, merupakan suatu perkara yang sering menarik minat ramai pihak. Sejak pertengahan 2017 lagi, pentadbiran Trump telah memberi bayangan mengenai satu pelan yang bertujuan untuk “membawa keamanan kepada Timur Tengah,” khususnya bagi menyelesaikan konflik antara Israel dan Palestin. Pelan perdamaian tersebut dipelopori oleh Penasihat Kanan Presiden yang juga merupakan menantu Trump, iaitu Jared Kushner, yang turut dibantu oleh Jason Greenblatt (selaku ketua perunding dan peguam Trump) serta David Friedman (duta AS ke Israel) (Tschirgi 2019).

Sejak dari itu, pelan perjanjian damai tersebut kekal menjadi rahsia dan kerap berlegar di berita, akhbar dan analisis, sehingga ia diberi nama sebagai “*Deal of the Century*” (perjanjian terbesar di abad ini, DOTC). Pada Trump, pelan tersebut merupakan “perjanjian terbesar (*the ultimate deal*)” yang bermatlamat untuk menyelesaikan konflik Israel-Palestin yang disifatkannya sebagai “perang yang tidak pernah berakhir (*the war that never ends*)” (Short 2018).

Namun, kesangsian terhadap komitmen AS mula timbul berikutan beberapa tindakan Trump yang boleh disifatkan sebagai tidak selari dengan aspirasi mewujudkan perdamaian antara Israel dan Palestin. Pada 6 December 2017, Trump telah mengiktiraf Jerusalem sebagai ibu negara bagi Israel. Kemudian, beliau memindahkan kedutaan AS di Israel dari Tel Aviv ke Jerusalem bagi memantapkan pengiktirafan tersebut. Di sini timbul beberapa persoalan: apakah sebenarnya pelan perjanjian damai anjuran kabinet Trump dan bagaimanakah ia akan dilaksanakan? Mengapakah Presiden AS mengambil sikap sedemikian? Adakah Joseph Biden, yang kini menggantikan kedudukan Trump sebagai Presiden AS, akan meneruskan pelan DOTC tersebut? Bagi merungkai persoalan-persoalan ini, makalah ini akan menyoroti secara kritikal perjanjian tersebut. Makalah ini dimulai dengan perbincangan mengenai kepentingan Jerusalem menurut Yahudi-Israel dan Muslim-Palestin bagi memahami faktor kota ini menjadi punca utama kepada perebutan dan konflik antara kedua-dua pihak. Kemudian, ia cuba menganalisis perjanjian yang dicadangkan oleh AS semasa pentadbiran Trump serta impaknya kepada proses damai Israel-Palestin dan kestabilan rantau Timur Tengah secara umum. Seterusnya, makalah ini akan membincangkan jangkaan hala tuju polisi AS di Timur Tengah di bawah kepimpinan Biden, khususnya berhubung dengan isu perdamaian Israel-Palestin.

### JERUSALEM DAN PALESTIN DARI PERSPEKTIF TEOLOGI YAHUDI DAN ISLAM

Berhubung konflik Israel-Palestin, Jerusalem sememangnya menjadi tumpuan penting lantaran ia menjadi rebutan kedua-dua pihak tersebut. Jerusalem mempunyai kepentingannya yang tersendiri dari sudut agama, baik Yahudi, Islam termasuklah Kristian. Sejarah perebutan kota ini sejak ribuan tahun cukup untuk menggambarkan kepentingannya di mata penganut agama-agama Samawi.

Dari sudut sejarah, Jerusalem pernah berada di bawah pemerintahan ketiga-tiga agama ini. Kota ini pernah berada di bawah kekuasaan Kerajaan Rom Byzantin selama ratusan tahun sebelum ia diambil alih oleh umat Islam semasa zaman Khalifah Umar al-Khattab pada tahun 637. Jerusalem kemudiannya berjaya ditakluk oleh Tentera Salib pada tahun 1099 sehinggalah Salahuddin al-Ayyubi menawan semula kota tersebut selepas 100 tahun. Sejak itu, Jerusalem berterusan berada di bawah pemerintahan Islam di bawah naungan Kerajaan Uthmaniyyah sehinggalah pada awal kurun ke-20, bilamana pihak British mengambil alih bumi Palestin daripada Uthmaniyyah kesan daripada kekalahan dalam Perang Dunia Pertama. Dari sinilah bermulanya rundingan antara pihak British dan Zionis Yahudi, menerusi Deklarasi Balfour, untuk memberi keizinan supaya bangsa Yahudi boleh membina penempatan di tanah Palestin. Sejak itu, bumi ini terus mengalami konflik antara Yahudi dan Arab-Muslim.

Berdasarkan tradisi Yahudi, Jerusalem adalah tanah yang berstatus suci dan istimewa. Bagi Yahudi, Jerusalem merupakan kota yang menempatkan Temple Mount yang telah wujud sejak kira-kira 3000 tahun dahulu. Menurut mereka, kuil ini telah dibina semasa zaman King David (memerintah 1010-970 SM). Dengan ini, Jerusalem menjadi kota yang suci di mana secara fizikalnya pernah menempatkan kuil mereka, manakala secara spiritualnya menjadi pusat untuk mereka beribadat (Rosner 2017). Bermula pada era King David dan diikuti puteranya King Solomon (memerintah 970-931 SM), Jerusalem telah menjadi ibu kota, pusat pemerintahan dan sekaligus pusat peribadatan bagi bangsa Yahudi. Ketika itu, mereka yang tidak berkesempatan untuk mengerjakan ibadat haji perlu bersembahyang menghadap Temple Mount di Jerusalem (Little 2018).

Menurut Rabbi Tuly Weisz (2018), hak Yahudi ke atas Jerusalem turut tercatat dalam Bible yang menyebutkan bahawa kota tersebut merupakan anugerah daripada Tuhan buat anak cucu Abraham, menerusi jalur Isaac, sepertimana yang tercatat dalam Genesis (15: 18-21, dan 17: 19). Jerusalem dikatakan merupakan tempat di mana Abraham hampir mengorbankan anaknya Isaac kepada Tuhan, yang seterusnya menjadi tanah yang dijanjikan buat bangsa Yahudi (Little 2018). Dalam hal ini, Abraham diminta oleh Tuhan untuk mengorbankan Isaac di Gunung Moriah yang terletak di Jerusalem. Kesanggupan Abraham untuk mengorbankan anaknya telah memuliakan Abraham dan keturunannya, di mana Jerusalem dianggap sebagai simbolik kepada

ketaatan bangsa Yahudi kepada perintah Tuhan (Katz 2018).

Pada masa yang sama, Jerusalem turut menjadi kota yang penting bagi umat Islam. Menurut El-Awaisi (1998), kepentingan Jerusalem di mata umat Islam dapat dilihat menerusi teks wahyu yang menjelaskan kedudukan dan kemuliaan kota tersebut. Antaranya, terdapat beberapa tempat dalam al-Quran yang menyebutkan Jerusalem sebagai “tanah yang diberkati” (21: 71, 21: 81, 7-137, dan 17: 1). Jerusalem disebutkan sebagai tanah yang diberkati kerana ia merupakan tempat para nabi dan rasul yang diimani oleh umat Islam sama ada sebagai tempat tinggal, transit sementara sebelum berhijrah, tempat berlindung mahupun tempat untuk mereka berjuang (Mohd Roslan 2017). Mereka terdiri daripada para nabi yang disebutkan secara jelas dalam al-Quran termasuklah Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Daud, Nabi Sulaiman, Nabi Zakaria dan Nabi Isa. Berbeza dengan Yahudi dan Kristian yang tidak beriman dengan Nabi Ismail dan Nabi Muhammad, umat Islam turut beriman dengan para nabi yang diimani oleh Yahudi dan Kristian, menyebabkan umat Islam turut memuliakan Jerusalem sebagaimana mereka memuliakan Mekah dan Madinah (Moten 2018).

Bagi umat Islam, Jerusalem merupakan simbol yang cukup penting dalam sejarah perkembangan agama Islam. Sebelum diarahkan untuk menghadap ke Masjid al-Haram di Mekah, umat Islam bersolat menghadap Masjid al-Aqsa di Jerusalem yang merupakan kiblat pertama umat Islam. Selain itu, Jerusalem juga menjadi transit Nabi Muhammad semasa peristiwa Isra’ dan Mi’raj, iaitu hentian seketika Baginda dari Masjid al-Haram sebelum diangkat ke langit. Peristiwa ini sangat besar bagi umat Islam kerana menerusi peristiwa inilah bermulanya pensyariatian sembahyang fardu lima waktu sehari semalam. Kepentingan Jerusalem bagi umat Islam ditambah dengan hadis Nabi Muhammad yang menyebutkan kebaikan bersembahyang di Masjid al-Aqsa di Jerusalem yang dikira sebagai masjid ketiga paling mulia selepas Masjid al-Haram di Mekah dan Masjid al-Nabawi di Madinah.

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk dinyatakan di sini bahawa berbeza daripada Yahudi yang berpandangan bahawa Jerusalem sebagai tanah yang khusus buat bangsa mereka, Islam tidak mengeklusifkan Jerusalem hanya untuk umatnya. Sejarah menyaksikan bahawa sepanjang Jerusalem berada di bawah pemerintahan umat Islam, penganut-penganut agama lain bebas untuk tinggal di kota tersebut dengan terus mengamalkan kepercayaan

mereka. Malah, Jerusalem pernah menjadi kota yang melindungi pelarian dari pelbagai tempat semasa di bawah kepimpinan Islam (Abu-Munshar 2019). Hal ini disebabkan sistem bermasyarakat dalam Islam tertegak berdasarkan interaksi harmoni antara agama (*fiqh ta’ayusy*) (Nazneen et al. 2018). Dalam erti kata lain, umat Islam tidak mempunyai sebarang masalah sekiranya Yahudi atau mana-mana bangsa ingin mendiami tanah Jerusalem, kerana konsep “tanah suci” dari perspektif Islam bukan bermaksud eksklusif sepertimana yang difahami oleh bangsa Yahudi.

Secara ringkasnya, Jerusalem sememangnya mempunyai kepentingan bagi bangsa Yahudi dan umat Islam. Kedua-duanya melihat Jerusalem mempunyai kepentingannya dari sudut agama. Disebabkan itulah konflik antara Israel dan Palestin masih berlarutan sejak puluhan tahun lantaran kedua-duanya melihat Jerusalem sebagai tanah yang suci berdasarkan perspektif agama masing-masing.

#### *DEAL OF THE CENTURY (DOTC): BENTUK DAN ISI PERJANJIAN*

Pada awal Mei 2019 yang lalu, akhbar Israel, Israel Hayom telah membocorkan satu dokumen yang dipercayai merupakan sebahagian daripada pelan Trump untuk penyelesaian konflik antara Israel dan Palestin. Meskipun kesahihan dokumen yang dibocorkan masih dipertikai, pihak Israel Hayom menegaskan bahawa beberapa terma dalam dokumen tersebut adalah sama sepertimana yang disebutkan oleh Kushner dan Greenblatt dalam pertemuan mereka dengan pemimpin Israel (Middle East Eye 7 Mei 2019). Berdasarkan laporan daripada Middle East Eye, beberapa perkara yang dicatatkan dalam dokumen tersebut adalah seperti berikut:

1. Penubuhan “Palestin Baharu” di atas tanah Gaza dan sebahagian Tebing Barat. Pilihan raya perlu dibuat setahun selepas perjanjian dilaksanakan, dan Israel perlu membebaskan banduan-banduan Palestin yang melebihi tempoh tiga tahun.
2. Jerusalem tidak akan dibahagikan. Sebaliknya, ia menjadi tanggungjawab bersama “Palestin Baharu” dan Israel, dengan Israel kekal sebagai penjaga umum.
3. Rakyat Palestin di Jerusalem kekal sebagai penduduk atau rakyat Palestin. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa Israel di Jerusalem kekal sebagai penguasa yang melibatkan hal ehwal tanah. “Palestin Baharu” juga perlu membayar cukai kepada pihak



berkuasa Israel di Jerusalem. Sebagai balasan, pihak berkuasa Israel di Jerusalem perlu bertanggungjawab terhadap pendidikan rakyat Palestin.

1. Yahudi Israel tidak dibenarkan untuk membeli rumah orang Palestin, dan begitu juga sebaliknya.
2. Penempatan Israel di Tebing Barat yang dipertikai sebelumnya sebagai tidak sah akan diiktiraf secara rasmi sebagai milik Israel.
3. Mesir akan menawarkan tanah yang bersempadan dengan Gaza untuk pembinaan lapangan terbang, kilang dan tujuan komersial. Tanah tersebut tidak boleh dijadikan penempatan untuk Palestin.
4. Lebuhraya setinggi 30 meter akan dibina bagi menghubungkan Gaza dan Tebing Barat yang melintasi Israel. China, Korea Selatan, Kanada, AS and Kesatuan Eropah (EU) akan bertanggungjawab menanggung kos pembinaan lebuhraya tersebut.
5. "Palestin Baharu" tidak dibenarkan untuk menubuhkan pasukan tentera. Hanya memadaikan dengan pasukan polis sahaja. Pertahanan dan keselamatan akan menjadi tanggungjawab Israel.
6. Hamas perlu menyerahkan senjata mereka dalam sebarang bentuk kepada pihak penguasa Mesir. Sebagai balasan, pemimpin-pemimpin Hamas akan dibayar pampasan dan dibayar gaji setiap bulan oleh negara-negara Arab.
7. Perjanjian ini mesti ditandatangani oleh tiga pihak iaitu Israel, PLO dan Hamas. Sekiranya Israel enggan tandatangan, AS akan menyekat bantuan kepada mereka. Jika hal yang sama dilakukan oleh PLO, segala bantuan pembangunan Palestin akan disekat, dan pihak lain juga akan diminta untuk turut menyekat bantuan masing-masing. Jika Hamas pula tidak tandatangan, peperangan terhadap mereka akan diisytiharkan, dan AS akan menyokong sepenuhnya Israel dalam usaha memerangi mereka.

Daripada isi dokumen perjanjian ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa ia menyerlahkan sentimen AS yang pro-Israel. Berdasarkan perjanjian ini, pihak yang paling mendapat untung dan faedah adalah Israel. Dalam hal ini, Israel akan diberikan kuasa untuk mengurus tadbir Jerusalem, iaitu wilayah yang masih menjadi pertikaian sehingga hari ini. Meskipun dilapik dengan frasa "Jerusalem tidak akan dibahagikan" dan "menjadi tanggungjawab bersama 'Palestin

Baharu' dan Israel," kebenaran yang diberikan kepada Israel untuk mengutip cukai serta berperanan sebagai "penjaga umum" terhadap Jerusalem cukup untuk menggambarkan kota tersebut sememangnya akan diserahkan kepada Israel menerusi perjanjian ini. Perkara ini tidak dapat disangkal lagi kerana menurut Kushner sendiri, perjanjian ini bertujuan untuk membolehkan pengiktirafan terhadap Jerusalem sebagai milik Israel (yang disifatkannya sebagai "pengiktirafan terhadap kebenaran (*recognition of truth*)" (Middle East Eye 3 Mei 2019). Selain itu, perjanjian ini turut menghalalkan penempatan-penempatan Israel di Tebing Barat yang sebelumnya dikira sebagai tidak sah. Dengan ini, rampasan tanah dan pembinaan penempatan di Tebing Barat yang dilakukan oleh Israel selama ini yang dilakukan secara paksa (Joronen 2017) akan dianggap sebagai sah dan diiktiraf milik Israel secara rasmi.

Di pihak Palestin pula, perjanjian ini secara terang meminggirkan kepentingan mereka. Perancangan yang dibocorkan oleh akhbar Israel Hayom ini menyatakan gagasan membina "Palestin Baharu" yang jelas tidak memberi faedah kepada Palestin, sebaliknya meletakkan mereka berada di bawah hegemoni Israel (Pillar 2019). Dengan ini, penguasaan Israel bukan sahaja terhadap Jerusalem, malah terhadap Palestin secara keseluruhan. Hal ini tergambar pada larangan "Palestin Baharu" bagi mewujudkan tentera sendiri, sebaliknya menyerahkan urusan keselamatan dan pertahanan kepada Israel. Dalam konteks kenegaraan, penyerahan urusan keselamatan dan pertahanan negara kepada kuasa luar tidak lain merupakan penyerahan kedaulatan dan kehormatan negara kepada kuasa tersebut. Inilah yang berlaku kepada "Palestin Baharu" sekiranya perjanjian ini dimeterai. Ia menjadikan "Palestin Baharu" sebagai "sebuah negara" yang tidak berdaulat dan berautonomi lantaran tidak boleh menguruskan sendiri hal ehwal keselamatan negaranya.

Jika diamati, DOTC merupakan satu inisiatif berat sebelah oleh AS yang cuba dipaksakan ke atas Palestin. Menurut isi perjanjian, telah digariskan bahawa kesemua pihak yang terlibat (iaitu Israel, PLO dan Hamas) mesti menandatangani perjanjian ini. Jika tidak, bantuan kewangan untuk Israel dan Palestin akan disekat. Dalam hal ini, Israel semestinya tiada masalah untuk bersetuju dengan perjanjian ini kerana ia memberi keuntungan yang jelas buat mereka. Apa yang menjadi masalah ialah di pihak Palestin kerana perjanjian ini merugikan mereka dari pelbagai sudut. Perjanjian ini seolah-olah meletakkan Palestin di pihak yang tersepit, iaitu

sama ada bersetuju untuk menandatangani perjanjian yang merugikan kepentingan mereka, atau tidak bersetuju untuk tandatangan dan berhadapan dengan sekatan bantuan kewangan. Sekatan kewangan oleh AS terhadap Tebing Barat dan Gaza pada penghujung tahun 2018 boleh disifatkan sebagai “amaran awal” AS terhadap Palestin untuk akur dengan perjanjian yang akan dikemukakan (Pillar 2019).

Selain itu, perjanjian ini juga dengan terang merupakan langkah bagi menekan Hamas yang mewakili masyarakat Palestin di Gaza. Berbeza dengan PLO yang lebih mudah untuk duduk di meja rundingan hatta berhubung rundingan yang lebih menguntungkan Israel, Hamas dikenali dengan pendiriannya yang lebih tegas dalam isu Israel-Palestin. Isi dokumen perjanjian menyebutkan sekiranya Hamas tidak menandatangani perjanjian ini, ia akan diperangi oleh Israel, dan AS akan membantu Israel bagi tujuan tersebut. Dengan mengambil kira pendirian Hamas dalam rundingan-rundingan sebelum ini, adalah dapat dipastikan bahawa rundingan kali ini juga akan turut tidak dipersetujui oleh mereka, lebih-lebih lagi kerana ia jelas merugikan Palestin. Di sini, penulis melihat bahawa DOTC sememangnya dirangka oleh AS bagi menekan Hamas yang sejak sekian lama dilabel sebagai “pertubuhan pengganas” dan tidak diiktiraf sebagai sebuah entiti politik yang sah di peringkat antarabangsa. Menggubal perjanjian dengan memberikan pilihan yang sukar tidak lain tidak bukan adalah bertujuan untuk meletakkan Hamas di kedudukan yang tersepit.

Secara umumnya, DOTC sememangnya sangat pincang dan bermasalah untuk dilaksanakan. Selain isi perjanjiannya yang dijangka sejak awal akan menguntungkan satu pihak sahaja (iaitu Israel) (Cook 2019), kepincangannya dapat dilihat menerusi pengisytiharan Jerusalem sebagai ibu negara Israel oleh Trump serta pemindahan kedutaan AS di Israel daripada Tel Aviv ke Jerusalem (Mohd Roslan dan Muhammad Khalis 2019). Semasa mula-mula menduduki kerusi Presiden AS, Trump telah menjanjikan bahawa beliau akan mengemukakan “perjanjian terbesar” bagi menyelesaikan konflik antara Israel dan Palestin yang akan menguntungkan kedua-dua pihak, serta bersikap neutral dalam berperanan sebagai pihak tengah (Gray 2017). Walau bagaimanapun, keputusan Trump berhubung status Jerusalem serta tindakan memindahkan kedutaannya di Israel ke kota tersebut menggambarkan sikap paradoks Presiden AS itu dengan janji untuk “bersikap neutral” dalam usaha mewujudkan keamanan di Timur Tengah. Kedua-dua tindakan Trump ini menandakan

pengiktirafannya terhadap pemilikan Israel secara penuh ke atas Jerusalem (Moten 2018; Cook 2019), di mana hal ini langsung tidak memberi nilai tambah kepada agenda penyelesaian konflik antara Israel dan Palestin.

Di sini, pendirian Trump mengenai status Jerusalem adalah penting untuk dibincangkan dengan lebih terperinci. Penulis berpendapat, terdapat faktor luaran dan dalaman yang mendorong Trump untuk mengambil pendirian pro-Israel di rantau Timur Tengah. Dari perspektif *realpolitik*, Trump berbuat demikian kerana wujud kesempatan bagi beliau untuk menjalankan dasar dan kepentingannya di rantau tersebut. Sebenarnya, pendirian Trump mengenai status Jerusalem bukanlah suatu yang baru. Sebaliknya, ia merupakan penerusan daripada gagasan presiden-presiden AS sebelumnya lagi. Namun, berbeza dengan pendahulunya, Trump lebih drastik dengan merealisasikan apa yang tidak berjaya untuk dilaksanakan sebelumnya (Moten 2018). Justeru, kesempatan yang ada telah digarap oleh Trump untuk merealisasikan aspirasi yang diwarisi daripada presiden-presiden AS sebelumnya lagi. Selain itu, kerjasama antara negara Arab dan Israel yang semakin erat dalam membendung pengaruh Iran turut mempengaruhi Trump untuk mengambil sikap secara lebih drastik berhubung status Jerusalem. Perihal kerjasama antara negara-negara teluk, khususnya Arab Saudi dan UAE, dan Israel bagi membendung pengaruh Iran sudah tidak menjadi rahsia lagi sepertimana yang telah didedahkan oleh ramai penganalisis politik Timur Tengah (Allam 2019; Baroud 2018; Asseburg 2019; Short 2018; Furlan 2019). Tumpuan di Timur Tengah terhadap Iran menjadikan isu konflik Israel-Palestin tidak lagi menjadi isu yang utama. Hal ini membolehkan AS melaksanakan dasar pro-Israelnya di rantau tersebut. Bagi faktor dalaman pula, pendirian Trump didorong oleh janji beliau sebelum pilihan raya, iaitu untuk memindahkan kedutaan AS dari Tel Aviv ke Jerusalem, di samping wujudnya pengaruh kelompok Evangelis yang bersikap pro-Israel serta kuat menyokong Trump. Bagi memelihara sokongan segmen pengundi ini, Trump perlu memastikan dasar luarnya memenuhi kepentingan dan kehendak mereka (Allam 2019).

#### IMPAK DOTC KEPADA PROSES DAMAI ISRAEL-PALESTIN DAN KESTABILAN TIMUR TENGAH

Apakah yang akan berlaku kepada proses damai antara Israel dan Palestin serta kestabilan rantau

Timur Tengah sekiranya DOTC direalisasikan? Di sini, penulis mengemukakan beberapa implikasi yang berpotensi untuk berlaku.

Pertama, perjanjian DOTC akan menyebabkan proses untuk mendamaikan antara Israel dan Palestin yang telah diusahakan sejak sekian lama menjadi lebih rumit. Secara ideanya, penggubalan perjanjian ini menandakan berakhirnya prospek solusi dua negara yang sering dicanang selama ini. Seperti yang telah dibincangkan di atas, perjanjian ini dibayangi dengan pelbagai kepincangan oleh AS sendiri, iaitu negara yang diharapkan untuk menjadi pihak tengah antara Israel dan Palestin. Tindakan Trump yang mengiktiraf kepemilikan Israel ke atas Jerusalem serta pemindahan kedutaannya ke kota tersebut menyerlahkan ketidakikhlasan AS sebagai pihak tengah antara rundingan Israel-Palestin (Moten 2018). Ia menggambarkan bahawa pentadbiran Trump telahpun mempunyai keputusan awal bagi “menyelesaikan” konflik antara Israel dan Palestin, iaitu dengan memihak kepada kepentingan dan kehendak Israel. Secara langsung, senario ini telah menghilangkan kredibiliti AS sepanjang ia dipimpin oleh Trump sebagai harapan untuk menjadi pihak tengah dalam proses damai tersebut. Ditambah pula dengan kenyataan Kushner yang menidakkan prospek solusi dua negara dalam damai terbaharu (Middle East Eye 3 Mei 2019), perkembangan semasa menyaksikan idea solusi dua negara semakin jauh untuk dilaksanakan dalam konteks proses damai antara Israel dan Palestin.

Tidak sekadar itu, DOTC juga bakal mengundang penolakan daripada warga Palestin secara keseluruhan, baik yang berada di Tebing Barat mahupun di Gaza, sama ada PLO mahupun Hamas. Protes daripada rakyat Palestin sudahpun ditunjukkan pada awal tahun 2018, yang lebih tertumpu di Gaza, bermula dari bantahan terhadap pengisytiharan Trump dan diikuti dengan pemindahan kedutaan AS ke Jerusalem. Sekiranya perjanjian direalisasikan sepertimana isi dokumen perjanjian yang telah dibocorkan, penentangan yang lebih besar daripada rakyat Palestin dijangka akan berlaku. Sehingga ke satu tahap, penentangan yang berlaku turut berpotensi untuk mencetuskan gelombang Intifada ketiga di kedua-dua wilayah Palestin.

Melihat kepada isi dokumen perjanjian serta perkembangan semasa, adalah dapat dipastikan bahawa DOTC hampir mustahil untuk dilaksanakan dengan dipersetujui oleh ketiga-tiga pihak. Ini kerana di pihak Palestin, baik PLO dan lebih-lebih lagi Hamas, telah menunjukkan penolakan mereka terhadap perjanjian tersebut. Perjanjian yang

digembar-gemburkan ini hanyalah sekadar gimik dan merupakan perjanjian terancang antara AS dan Israel berdasarkan kepentingan secara bersama. Ia dijangka akan terus dilaksanakan meskipun tanpa persetujuan dari pihak Palestin. Hakikatnya, perjanjian tersebut telahpun bermula sebaik sahaja Trump mengisytihar Jerusalem sebagai milik Israel dan memindahkan kedutaannya dari Tel Aviv ke Jerusalem.

Dari sudut impak terhadap Timur Tengah secara keseluruhan, perjanjian ini berpotensi untuk mengubah lanskap rantau tersebut. Dalam hal ini, sempadan negara Israel akan diperluaskan, manakala tanah Palestin pula akan dikecilkan. Sebenarnya, senario ini sememangnya sedang dan telah berlaku sejak puluhan tahun yang lalu. Namun, perjanjian ini akan menyebabkan perubahan lanskap Israel dan Palestin berlaku secara lebih drastik. Pengisytiharan Trump mengenai status Jerusalem ibarat “reštu” yang diberikan oleh AS kepada Israel untuk memiliki Jerusalem “secara sah.” Dengan itu, Israel mempunyai legitimasi untuk mengukuhkan cengkamannya ke atas Jerusalem serta Tebing Barat secara lebih zahir (Pillar 2019). Tidak sekadar itu, perjanjian juga bakal menyaksikan penyerahan Bukit Golan dan Lembah Jordan kepada Israel “secara terhormat,” di mana ia akan memperluaskan lagi sempadan negara Israel.

Di kala sempadan negara Israel semakin meluas, tanah Palestin pula akan semakin mengecil. Penjenamaan semula kepada “Palestin Baharu” secara jelas merupakan isyarat pengisytiharan negara Palestin dengan keluasan negara dan sempadan baharu yang tidak lagi sama sepertimana keluasan dan sempadan negara Palestin pada hari ini. Penguasaan Israel ke atas Jerusalem, yang turut membolehkan mereka untuk menguasai tanah-tanah di Tebing Barat, akan menyebabkan berlakunya perubahan ini. Jerusalem timur yang menempatkan Masjid al-Aqsa, iaitu salah satu tempat tersuci bagi umat Islam, juga akan dikuasai sepenuhnya secara eksklusif oleh Israel. Sebaliknya pula bagi Palestin, di samping sempadan negaranya yang semakin mengecil, ibu negaranya pula bakal dialihkan ke Abu Dis (Middle East Monitor 1 Jun 2019). Abu Dis merupakan kawasan yang berada empat kilometer daripada sempadan Tebing Barat, berpenduduk padat dan berada di bawah kawalan keselamatan Israel. Kedudukannya yang tidak strategik dan jauh daripada Jerusalem timur, iaitu kawasan yang diimpikan oleh rakyat Palestin, menjadikannya tidak sesuai untuk berperanan sebagai ibu negara Palestin (Cook 2019).

“Pemetaan semula (*remapping*)” sempadan wilayah Palestin dan Israel kesan daripada pelaksanaan

perjanjian DOTC bukan sahaja bakal mengundang kemarahan penduduk Arab Palestin, malah berpotensi untuk turut mengundang respons daripada negara-negara serantau (Aljamal 2020). Negara-negara sempadan yang mempunyai kepentingan strategik di rantau tersebut seperti Syria, Lubnan dan Mesir merupakan antara yang terkesan dengan pemetaan ini. Syria dan Mesir mempunyai kekuatan persenjataan, manakala Lubnan mempunyai rekod kemenangan ke atas Israel dalam Perang Lubnan-Israel pada tahun 2006. Ketiga-tiga kuasa di rantau Timur Tengah ini mempunyai kekuatan untuk berperang sekiranya kepentingan mereka (seperti penyerahan wilayah kepada Israel) terhakis kesan daripada pelaksanaan DOTC. Bukan itu sahaja, malah kuasa-kuasa utama di rantau tersebut seperti Iran dan Arab Saudi turut berpotensi untuk campur tangan. Tehran sejak sekian lama sememangnya diketahui telah mendanai gerakan-gerakan pejuang di Palestin seperti Hamas dan Jihad Islami, dan menyatakan komitmennya untuk terus menyalurkan bantuan ke arah pembebasan bumi Palestin (Abou Jalal 2020). Penglibatan aktif Tehran dalam perang Israel-Palestin, sekiranya berlaku, semestinya akan turut mengundang campur tangan Riyadh yang sentiasa ingin mengimbangi pengaruh dan kekuatan pesaingnya itu. Pada masa yang sama, DOTC turut berpotensi untuk mengundang respons masyarakat biasa yang bersemangat Islam, namun tidak mempunyai kefahaman Islam yang sebenar sehingga menjebakkan mereka kepada kancah ekstremisme (Siti Naqiyah, Salasiah & Izzah 2018; Maszlee & Mohd Yazid 2018).

#### AS PASCA TRUMP DALAM KONFLIK ISRAEL-PALESTIN

Seperti yang diketahui umum, Joseph Biden (lebih dikenali sebagai Joe Biden) telah memenangi pilihan raya Presiden AS pada November 2020 dengan menewaskan penyandang sebelumnya iaitu Trump. Dalam pilihan raya yang berlangsung di kala pandemik Covid-19 di negara tersebut menunjukkan bilangan kes yang tertinggi di dunia, Biden telah beroleh kemenangan dengan memperoleh 284 undi elektoral, menewaskan Trump yang hanya meraih 214 undi.

Kemenangan Biden sebagai Presiden AS menimbulkan tanda tanya; bagaimanakah hala tuju polisi AS dalam konflik Israel-Palestin selepas ini? Adakah Biden akan meneruskan projek DOTC yang telah dicetuskan oleh pendahulunya? Sehingga artikel

ini ditulis, Biden masih lagi baru menjawat jawatan sebagai Presiden AS. Maka, dasar AS pasca Trump terhadap Timur Tengah secara umum dan isu Israel-Palestin secara khusus masih tidak jelas. Namun, penulis mencatatkan di sini jangkaan masa hadapan polisi AS dalam konflik Israel-Palestin untuk beberapa tahun yang akan datang.

Selaku calon presiden yang mewakili Parti Demokrat, Biden dijangka akan mengambil sikap yang lebih lunak berbanding pendahulunya dalam menjalankan polisi AS di Timur Tengah, khususnya yang berkait dengan konflik Israel-Palestin. Keadaan ini hampir sama seperti Obama yang menggantikan Bush yang cuba mengambil sikap yang lebih terbuka berbanding pendahulunya. Malah, penganalisis dasar AS seperti Bordenkircher (2021) dalam satu artikelnya telah membuat perbandingan antara pendekatan polisi Biden dan Obama bagi konteks rantau Timur Tengah. Semasa pentadbirannya, Obama telah menonjolkan AS sebagai sebuah kuasa yang cuba membawa kempen pengamanan di rantau tersebut, tidak melihat kekuatan persenjataan sebagai satu-satunya jalan penyelesaian dan mengutamakan diplomasi secara aman (*soft diplomacy*). Bagi konteks AS, perbezaan antara Demokrat dan Republikan boleh dilihat berdasarkan pendekatan kedua-duanya dalam menjalankan polisi negara, termasuklah polisi luar. Justeru, sikap AS pada era Biden yang lebih lunak terhadap Timur Tengah boleh difahami berdasarkan kerangka dikotomi Demokrat-Republikan ini. Namun, sejauh mana polisi luar Biden akan menyamai corak polisi luar Obama masih lagi menjadi persoalan.

Meskipun begitu, ini tidaklah bermaksud bahawa AS di bawah Biden akan mengambil sikap yang berbeza secara keseluruhan dalam menjalankan dasarnya di Timur Tengah. Perkara ini adalah mustahil bagi konteks AS yang sentiasa menjadikan kepentingan dan keselamatan Israel di tengah-tengah rantau Timur Tengah sebagai salah satu dasar utamanya, tanpa mengira siapa pun yang memimpin negara adikuasa tersebut. Sejak awal lagi, Biden telah menzahirkan sikap pro-Zionisnya dengan mengatakan: "Saya adalah Zionis. Anda tidak perlu menjadi seorang Yahudi untuk menjadi Zionis" (Baroud 2021). Malah, Biden turut menjanjikan semasa kempen pilihan raya presiden bahawa sekiranya menang, beliau akan mengekalkan kedutaan AS di Jerusalem (Barrow 2020). Pendirian yang diperlihatkan oleh Biden ini menjelaskan bahawa adalah mustahil untuk AS menjadi adil dalam menjadi pihak tengah antara Israel dan Palestin. Perbezaan antara pentadbiran Trump



dan Biden hanyalah pada kaedah dan pendekatan (*style and approach*) (sama ada memilih cara keras atau halus), bukan pada intipati (*substance*) sikap AS terhadap Israel.

Penulis berpandangan, pentadbiran Biden tidak akan meneruskan DOTC yang telah dicetuskan oleh Trump. Pendekatan Demokrat yang secara relatifnya lebih lunak berbanding Republikan memungkinkan Biden untuk tidak meneruskan idea DOTC yang bersifat radikal. Semasa kempen pilihan raya presiden lagi, Biden telah menyifatkan pemindahan kedutaan AS di Israel ke Jerusalem, iaitu salah satu agenda besar di bawah pelan DOTC, sebagai tindakan yang singkat dan semberono (Barrow 2020). Hal ini menggambarkan wujudnya perbezaan pendekatan antara Biden dan Trump yang masing-masing mewakili jalur politik yang berbeza. Pada masa yang sama, Biden juga pastinya dapat memahami bahawa pelan DOTC ini tidak begitu mendapat sambutan pihak-pihak yang terlibat, melainkan hanya Israel sahaja. Meneruskan pelan damai yang tidak disokong dengan baik oleh pihak-pihak lain hanya akan menyebabkan pentadbiran beliau tidak popular di mata masyarakat dunia. Penulis menjangkakan DOTC tidak akan diteruskan oleh Biden yang berkemungkinan besar akan mengemukakan pelan damai yang tersendiri.

#### KESIMPULAN: “SOLUSI” DUA NEGARA ATAU “ILUSI” DUA NEGARA?

Jerusalem sememangnya merupakan tanah suci dan bersejarah buat agama-agama Samawi, termasuklah Islam dan Yahudi. Perebutan ke atas Jerusalem telah berlaku sejak ribuan tahun, di mana penguasaan terhadap kota tersebut telah berlaku silih berganti antara agama-agama yang berbeza. Lantaran mempunyai kepentingan dari sudut agama, Jerusalem pada hari ini menjadi subjek utama konflik antara Israel dan Palestin.

Merujuk kepada DOTC, adalah didapati bahawa pelan perdamaian yang dicanang oleh pentadbiran Trump ini sememangnya mempunyai sentimen pro-Israel. Secara dasarnya, pengisytiharan Trump mengenai status Jerusalem dan diikuti pemindahan kedutaan AS dari Tel Aviv ke Jerusalem merupakan sebahagian daripada usaha bagi merealisasikan perjanjian tersebut. Kedua-duanya tidak boleh dilihat secara terpisah daripada idea perjanjian DOTC secara keseluruhan. Hal ini tergambar daripada isi dokumen perjanjian yang

meletakkan Jerusalem bakal diletakkan di bawah pentadbiran Israel.

DOTC menandakan kegagalan AS untuk berperanan sebagai pihak tengah secara berkesan kerana memihak kepada satu pihak sejak awal lagi. Inisiatif pentadbiran Trump terhadap proses damai antara Israel dan Palestin bakal menyaksikan idea solusi dua negara hanyalah merupakan satu ilusi yang jauh untuk membawa keamanan di rantau tersebut. Ini kerana secara praktiknya, solusi yang ingin dicapai menerusi perjanjian ini hanyalah sebagai muslihat untuk mendirikan sebuah negara Israel secara tunggal, di mana “Palestin Baharu” hanya berfungsi sebagai wilayah naungan di bawah Israel. Justeru, “solusi” bagi mewujudkan dua negara yang dicanang oleh AS sejak sekian lama tidak lain hanyalah merupakan satu bentuk ilusi. Pendirian AS dengan memenangkan satu pihak dan meminggirkan pihak yang lain bakal menyaksikan penentangan dari pelbagai pihak, khususnya dari kalangan warga Palestin sendiri, terhadap usaha perdamaian yang kontroversi itu. Sebenarnya, apa yang perlu dilakukan oleh AS untuk memainkan peranan sebagai pengaman di celah konflik Israel-Palestin hanyalah bersikap adil, dengan kembali semula kepada falsafah keamanan sejagat yang sebenar (Zul ‘Azmi & Zailan 2019).

#### PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaya di atas penyediaan geran 2019 SATU Joint Research Scheme Program (ST018-2019) bagi membolehkan kajian ini dijalankan.

#### SUMBANGAN PENGARANG

Pengkonseptualan, Mohd Roslan Mohd Nor dan Muhammad Khalis Ibrahim; Metodologi, Mohd Roslan Mohd Nor; Pengumpulan sumber, Muhammad Khalis Ibrahim; Pengesahan sumber, Mohd Roslan Mohd Nor; Penulisan draf pertama, Mohd Roslan Mohd Nor dan Muhammad Khalis Ibrahim; Memuktamadkan draf, Mohd Roslan Mohd Nor; Pemerolehan dana, Mohd Roslan Mohd Nor.

#### RUJUKAN

Abou Jalal, R. 2020. Iran Offers Unconditional Support to Hamas, Islamic Jihad. *Al-Monitor*. <https://www.al-monitor.com/originals/2020/07/palestinian-hamas-iran-financial-support-israel-annexation.html>.

- Abu-Munshar, M. 2019. Jerusalem as a Place of Exile during the Mamluk Era. *Journal of Al-Tamaddun* 14(2): 99-115.
- Aljamal, Y. M. 2020. Trump's Decision to Recognize Jerusalem as Israel's Capital: Domestic Motivations and Regional Circumstances. *Journal of Al-Tamaddun* 15(1): 119-131.
- Allam, A. H. 2019. Faktor Eksternal dan Internal yang Mempengaruhi Presiden Donald Trump untuk Mengakui Status Kota Yerusalem sebagai Ibukota Israel. *Journal of International Relations* 5(2): 441-447.
- Asseburg, M. 2019. *The "Deal of the Century" for Israel-Palestine: US Proposals are Likely to Speed Demise of Two-State Settlement*. Berlin: Stiftung Wissenschaft und Politik.
- El-Awaisi, A. F. 1998. The Significance of Jerusalem in Islam: An Islamic Reference. *Journal of Islamic Jerusalem Studies* 1(2): 47-71.
- Baroud, R. 2018. Palestine: What Deal, What Leadership, What Resistance? *Al Jazeera Centre for Studies*.
- Baroud, R. 2021. The New 'New Middle East': On Palestine, Normalization and US Foreign Policy Agenda. *Journal of Middle Eastern Politics and Policy*: 22-27.
- Barrow, B. 2020. Joe Biden Says He'd Leave US Embassy in Jerusalem If Elected. *AP News*. <https://apnews.com/article/peace-process-donald-trump-israel-tel-aviv-joe-biden-47c2d807cbb563b747cee29aaefeda5a>.
- Bordenkircher, E. J. 2021. Biden Must Not Reprise Obama's Middle East Policy. *Middle East Forum*. <https://www.meforum.org/61711/biden-mustnt-reprise-obamas-middle-east-policy?fbclid=IwAR1Ky5EAkZbs6lq4UencsIs5bhvQEjfrUmzSP0NnjeDO-3i8LP6J0eUJBzk>.
- Cook, J. 2019. What's in Trump's 'Deal of the Century?' The Answers are in Plain Sight. *Middle East Eye*. <https://www.middleeasteye.net/news/whats-trumps-deal-century-answers-are-plain-sight>.
- Furlan, M. 2019. Israeli-Saudi Relations in a Changed and Changing Middle East: Growing Cooperation? *Israel Journal of Foreign Affairs* 13(2): 1-15.
- Gray, R. 2017. Trump Goes After the 'Ultimate Deal.' *The Atlantic*. <https://www.theatlantic.com/international/archive/2017/05/trump-israeli-palestinian-peace-process/527649/>.
- Joronen, M. 2017. Spaces of Waiting: Politics of Precarious Recognition in the Occupied West Bank. *Environment and Planning D: Society and Space* 35(6): 994-1011.
- Katz, L. 2018. Jews and Jerusalem: The Source of the Bond. *Learn Religions*. <https://www.learnreligions.com/why-is-jerusalem-sacred-for-jews-2076626>.
- Kriesberg, L. 2001. Mediation and the Transformation of the Israeli-Palestinian Conflict. *Journal of Peace Research* 38(3): 373-392.
- Little, B. 2018. Why Jews and Muslims Both Have Religious Claims on Jerusalem. *History*. <https://www.history.com/news/why-jews-and-muslims-both-have-religious-claims-on-jerusalem>.
- Maszlee Malik & Mohd Yazid Zul Kepli. 2018. ISIS in Malaysia: Understanding Their Logics. *Islamiyyat* 40(1): 15-22.
- Middle East Eye. 3 Mei 2019. Kushner Suggests Deal of the Century Will Not Mention 'Two-State Solution.' <https://www.middleeasteye.net/news/kushner-speaks-middle-east-peace-plan-without-saying-it-supports-two-state-solution>.
- Middle East Eye. 7 Mei 2019. Israeli Newspaper Reveals Leaked Document of Trump's 'Deal of the Century.' <https://www.middleeasteye.net/news/israeli-newspaper-reveal-leaked-document-trumps-deal-century>.
- Middle East Monitor. 1 Jun 2019. Abu Dis to be Palestine Capital under 'Deal of the Century.' <https://www.middleeastmonitor.com/20190601-abu-dis-to-be-palestine-capital-under-deal-of-the-century/>.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Muhammad Khalis Ibrahim. 2019. Malaysia's Stance towards Trump's Decision Regarding Bayt al-Maqdis. Dlm. *Al-Quds: History, Religion, and Politics*, disunting oleh Abd Al-Fattah El-Awaisi and Muhittin Ataman. Ankara: SETA Publications.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Siti Zaleha Hamzah. 2015. Oslo Accord: A study on peace process of Arab-Israel conflict. *Journal of Al-Tamaddun* 10(1): 51-69.
- Mohd Roslan Mohd Nor. 2017. *The Significance of Islamic Jerusalem*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Moten, A. R. 2018. US Embassy in Jerusalem: Reasons, implications and consequences. *Intellectual Discourse* 26(1): 5-22.
- Nazneen binti Ismail, Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah binti Din@Mohamad Nasirudin & Maryam Habibah binti Kamis. 2018. Pendekatan fiqh ta'ayusy dalam menangani konflik antara agama. *Islamiyyat* 40(2): 151-160.
- Pillar, P. R. 2019. The Kushner Plan: Keeping Israeli-Palestinian peace out of reach. *Journal of Palestine Studies* 48(4): 113-120.
- Rosner, S. 2017. Of Course Jerusalem is Israel's Capital. *The New York Times*. <https://www.nytimes.com/2017/12/05/opinion/jerusalem-capital-israel-trump.html>.
- Short, C. 2018. Beyond Trump's "Deal of the Century." *Al Jazeera Centre for Studies*.

- Siti Naqiayah Mansor, Salasiah Hanin Hamjah & Izzah Nur Aida Zur Raffar. 2018. Ideologi Gerakan Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) di Malaysia. *Islamiyyat* 40(2): 95-103.
- Tschirgi, D. 2019. Trump and Palestine: The crowning of an American approach. *Revista UNISCI* 50: 53-72.
- Weisz, T. 2018. The Bible Says Israel Belongs to Jews – and Has Over 3,000 Years. *Fox News*. <https://www.foxnews.com/opinion/the-bible-says-israel-belongs-to-the-jews-and-has-for-over-3000-years>.
- Zul ‘Azmi Yaakob & Zailan Moris. 2019. Merangka semula falsafah keamanan sejagat dalam konteks Malaysia. *Islamiyyat* 41(1): 69-81.